



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
ARAS 12 BLOK D1, KOMPLEKS D
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546, PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8886 8076
Faks : 03-8889 1758
Web : www.moha.gov.my



Rujukan Kami : KDN : PG/03/1062/1 (8)

Tarikh : 13 Januari 2014

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y. Bhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan,

PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KE-SEBELAS (RMKe-11) BAGI SEKTOR KESELAMATAN AWAM

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian Y. Bhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan mengenai perkara tersebut di atas.


2. Untuk makluman Y. Bhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan, Rancangan Malaysia Ke-sebelas (RMKe-11), 2016 - 2020 sedang dirangka bagi melaksanakan misi ke arah menjadikan Negara maju dan berpendapatan tinggi sebagaimana yang dihasratkan dalam Wawasan 2020. Dalam hubungan ini, Kementerian Dalam Negeri bersama Kementerian/ Jabatan/ Agensi berkaitan keselamatan berperanan untuk merangka RMKe-11 dalam sektor keselamatan.
3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan rancangan yang holistik dan mengambilkira kehendak masyarakat, Y. Bhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan adalah dijemput untuk mengemukakan sebarang maklumat dan pandangan berkaitan keselamatan dan kesejahteraan awam untuk masa hadapan khususnya bagi tahun 2016 – 2020. Panduan maklumat dan pandangan adalah seperti di Lampiran A.
4. Perhatian dan kerjasama Y. Bhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, Y. Bhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan boleh menghubungi En. Wan Muzaffar Shah bin Wan Munsiff di 03-8886 3333/ wanmuzaffar@moha.gov.my atau Pn. Djuliana binti Jamaludin di 03-8888 9372/ djuliana@moha.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,"

DATO' MOHAMAD KHALID BIN H.J. SHARIFF



(Sila catatkan rujukan Kementerian ini apabila berurusan)



KLR6008347

LAMPIRAN APANDUAN MAKLUMAT DAN PANDANGAN BAGI PENYEDIAAN RMKe-11
BAGI SEKTOR KESELAMATAN

I. Skop cadangan:

- a. Menilai prestasi pelaksanaan dasar, program, isu dan cabaran sektor keselamatan dalam RMKe-10.
- b. Rangka dasar, strategi dan program baru sektor keselamatan bagi mencapai sasaran dan outcome RMKe-11.
- c. Strategi dan arah tuju keselamatan dalam negara.

II. Skop cabaran yang boleh dibincangkan:

- a. Globalisasi dan dunia tanpa sempadan
- b. Kebanjiran / kemasukan pendatang asing
- c. Pencegahan Jenayah
- d. Peningkatan persepsi positif ke atas Kementerian Dalam Negeri dan agensi di bawahnya
- e. Pembudayaan minda kelas pertama
- f. Penggubalan / Penambahbaikan / pemansuhan perundangan
- g. Pemulihan / tindakan punitif yang efisien dan berkesan
- h. Pemantapan penguatkuasaan undang-undang
- i. Keselamatan dan kesejahteraan awam
- j. Pemantapan integriti dalam sektor keselamatan